

Yuran bayaran lewat

Faedah minimum sebanyak 1% daripada jumlah keseluruhan baki akan dikenakan atas bayaran selepas jangkamasa yang ditetapkan.

Jangkamasa faedah-bebas

Satu tempoh yang diberi untuk membuat pembayaran yang bebas daripada faedah. Biasanya lebih kurang 20 hari akan diberi bergantung kepada bank berlainan.

Yuran melampaui had kredit

Yuran yang dikenakan atas amaun yang melampaui had kredit. Kebiasaannya faedah sebanyak 2% akan dikenakan.

Yuran akaun maya (virtual account)

Yuran tahunan yang dikenakan untuk penggunaan akaun "online" yang berkenaan dengan transaksi bayaran kad kredit. Kadarnya berbeza mengikut bank yang menawarkannya dan biasanya sebanyak RM 10 setahun.

Yuran perlindungan kredit (Credit Shield Plus)

Yuran ini merupakan bayaran untuk skim insurans. Bank menawarkan perlindungan insurans yang akan menjelaskan baki belum jelas anda sekiranya berlaku kemalangan yang membawa kepada kecacatan/kematian. Biasanya sebanyak RM 0.69 sen untuk setiap baki RM 100 akan dikenakan dan yurannya berbeza mengikut bank. Amaunnya akan di proratakan sewajarnya kepada baki belum jelas bulanan.

Skim 'cash back'

Sesetengah bank mempunyai skim 'cash back' iaitu pengguna kad akan mendapat balik amaun tertentu (rebat) atas jumlah baki belum jelas yang tertentu. Pada saat anda menggunakan kad kredit anda, anda berpeluang untuk ganjaran tunai setiap bulan. Akan tetapi, kadar rebat maksimum yang biasa terdapat di pasaran adalah sebanyak 3% sahaja dan ia hanya tertakluk kepada mereka yang mempunyai baki belum jelas sebanyak RM 8,000. Untuk perbelanjaan RM 100 atau kurang, hanya sebanyak 0.2% diberi dan untuk mendapatkan 1% rebat, purata minimum RM 4,000 harus tertunggak dalam jumlah baki belum jelas anda. Kadar rebat berbeza mengikut bank dan untuk mendapatkan skim ini, anda perlu memohon untuk kad kredit khas 'cash back' yang mempunyai kriteria yuran (seperti yuran tahunan, dan sebagainya) yang berbeza dari pada kad kredit yang lain.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

Lot 2G3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 2, 62623 Putrajaya, Malaysia.
Hotline: 1-800-886-800
Tel: 03-8882 5500 Fax: 03-8882 5762
Laman web: www.kpdnhep.gov.my



GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA PENGGUNA MALAYSIA Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)

No.1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel : 603-7876 2009 Fax : 603-7877 1076
Email : fomca@fomca.org.my
Laman web : www.fomca.org.my



PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL National Consumer Complaints Center (NCCC)

No.1D, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17,
Sungai Way, 47300 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603-7877 9000 Fax : 603-7874 8097
Email : nccc@nccc.org.my
Laman web: www.nccc.org.my

Kad Kredit dan Anda



Pengguna Bijak



FEDERATION OF
MALAYSIAN CONSUMERS
ASSOCIATIONS (FOMCA)



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA (KPDNHEP)

Penggunaan kad kredit berasal dari Amerika Syarikat pada 1920-an, apabila syarikat individu seperti rangkaian hotel dan syarikat minyak mula membekalkannya kepada pelanggan perniagaan mereka. Kad kredit universal yang boleh digunakan di pelbagai kedai dan perniagaan diperkenalkan oleh Diners Club Inc pada tahun 1950. Melalui sistem ini, syarikat kad kredit mengenakan bayaran yuran tahunan dan caj bulanan atau tahunan. Satu lagi kad universal diperkenalkan pada tahun 1958 oleh syarikat American Express.

Kemudian, wujud sistem kad kredit bank. Dalam sistem ini, bank akan mengkreditkan akaun pedagang (*merchant*) semasa slip jualan diterima dan mengumpulkan caj kepada pemegang kad pada penghujung jangkamasa pembayaran. Pemegang kad akan membayar pihak bank keseluruhan baki tertunggak ataupun secara bulanan dengan faedah.

Pelan bank nasional yang pertama adalah BankAmericard yang bermula dari peringkat negeri dalam 1959 oleh Bank of America di California. Sistem ini dilesenkan di negeri yang lain bermula 1966 dan kemudiannya dinamakan Visa pada 1976. Ini diikuti oleh kad bank-bank yang lain seperti Mastercard (sebelumnya Master Charge).

KENALI KAD KREDIT ANDA

Kad kredit menggunakan sistem piawaian penomboran dari American National Standards Institute (ANSI), **Standard X4.13-1983**. Berikut adalah maksud nombor-nombor dalam kad anda;

Digit pertama dalam kad kredit menunjukkan sistem:

- o 3 – kad caj (seperti American Express, Diners Club)
- o 4 – Visa
- o 5 – Mastercard
- o 6 – Discover Card

Struktur nombor kad berlainan mengikut sistem. Contohnya, kad American Express bermula dengan 37; Diners club dengan 38.

- o **American Express** – digit ketiga dan keempat adalah jenis dan matawang. Digit kelima hingga kesebelas adalah nombor akaun, digit kedua belas hingga keempat belas adalah nombor kad dalam akaun dan digit kelima belas adalah digit penyemakan.
- o **Visa** – Digit kedua hingga keenam adalah nombor bank, digit ketujuh hingga kedua belas ataupun ketujuh hingga kelima belas adalah nombor akaun dan digit ketiga belas

atau ke enam belas adalah digit penyemakan.

- o **Mastercard** – digit kedua dan ketiga, kedua hingga keempat, kedua hingga kelima ataupun kedua hingga keenam adalah nombor bank (bergantung kepada samada digit kedua adalah 1,2,3 ataupun sebagainya). Digit selepas nombor bank sehingga digit kelima belas adalah nombor akaun, dan digit keenam belas adalah digit penyemakan.

10 TIP DAN NASIHAT UNTUK PENGGUNA KAD KREDIT

1. Peruntukkan sebahagian daripada pendapatan anda untuk menjelaskan hutang kredit SETIAP BULAN.
2. Kawal perbelanjaan anda. Penggunaan kad kredit akan menyebabkan anda berbelanja lebih tanpa disedari. Senaraikan barangan yang hendak dibeli dan awasi aliran wang anda.
3. Jangan melampaui had kredit anda kecuali dalam kecemasan. Bank akan mengenakan faedah sebanyak 2% untuk amaun kredit berlebihan, selain daripada caj kewangan yang wujud.
4. Jelaskan sebahagian BESAR daripada baki belum jelas anda dan bukannya bayaran minimum 5% atau RM25.
5. Hadkan kad kredit anda maksimum dua atau tiga sahaja. Kad kredit adalah untuk kemudahan, bukan untuk koleksi.
6. Hanya memohon kad kredit jika anda benar-benar memerlukannya. Jangan mudah dipikat oleh promosi dan iklan.
7. Simpan senarai nombor kad kredit anda dan laporkan kad yang hilang atau dicuri dengan segera. Semua bank mempunyai servis perbankan 24-jam dan anda tidak akan dicaj untuk sebarang penggunaan yang dibuat selepas laporan.
8. Jangan memberitahu nombor kad kredit dan tiga digit pengesahan di belakang kad anda sewenang-wenangnya kepada orang lain. Sesetengah transaksi elektronik dalam laman web hanya memerlukan nombor-nombor tersebut untuk membuat pembayaran dan kes-kes

penyalahgunaan adalah berleluasa masakini.

9. Kemaskinikan sebarang maklumat peribadi anda seperti pertukaran alamat supaya pembilan adalah tepat pada masanya untuk mengelak daripada caj pembayaran lewat.
10. Wang pendahuluan (*cash advances*) adalah mudah TAPI mahal. Bank mengenakan 18% setahun untuk wang pendahuluan DAN 5% ataupun caj minimum sehingga RM 20 atas amaun yang dikeluarkan. Tiada jangkamasa faedah-bebas dan faedah adalah terakru semasa wang diterima.

ISTILAH-ISTILAH KEWANGAN KAD KREDIT

Caj kewangan atas pembelian

Faedah yang dicaj untuk baki belum jelas yang dibawa dari bulan ke bulan. Kadar faedah adalah tinggi pada 18% setahun ataupun 1.5% sebulan. Ia adalah dikira pada harian yang bermaksud jumlah amaun akan dipecahkan kepada kadar faedah seharian sebanyak 0.05% (1.5% bahagi 30). Pinjaman bank peribadi biasa hanya mengenakan faedah 8.5% setahun

Yuran wang pendahuluan(cash advance)

Yuran yang dikenakan apabila anda mengeluarkan wang dengan kad kredit anda menerusi ATM. Biasanya caj sebanyak RM 10 akan dikenakan untuk penggunaan ATM PLUS/CIRRUS bagi setiap pengeluaran daripada sesuatu akaun deposit. Kadar faedah yang dikenakan adalah 18% setahun DAN dikenakan SEMASA wang dikeluarkan. Faedah tambahan sebanyak 5% ataupun bayaran minimum sehingga RM 20 (yang mana lebih tinggi) juga akan dikenakan. Promosi dan iklan untuk penggunaan wang pendahuluan wujud dalam pelbagai bentuk seperti cek, pinjaman peribadi. Oleh itu, berhati-hati dan telitikan sebarang jenis promosi yang diterima.

Yuran transaksi luar negara

Kos pentadbiran sebanyak RM 1% akan dikenakan ke atas amaun yang dibelanjakan dengan kad kredit ditambah dengan sebarang yuran transaksi yang dicaj oleh VISA/MasterCard International.

Amaun bayaran minima

Bayaran minimum sebanyak 5% daripada jumlah keseluruhan baki hutang ataupun minimum RM 50 (yang mana lebih tinggi). Amaun belum jelas dari bulan-bulan sebelumnya akan dikumpulkan dan ditambah ke atas bayaran bulanan minimum.